

# Fatimah al-Zahra'

## Suatu Gambaran Dari Riwayat Hidupnya

(4)

“Siti Fatimah al-Zahra’, *raḍi Allah ‘anhā*, seorang perempuan yang rupawan. Cukuplah rasanya kalau dikatakan – sebagaimana yang digambarkan oleh buku-buku sejarah Islam – bahawa ia mempunyai rupa salin tak tumpah seperti rupa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, yang masyhur tentang cantik parasnya dan berseri-seri wajahnya.”

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeh)

Pada keesokan harinya, pergilah Saiyidina Ali berjumpa dengan Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, lalu berdiri tidak jauh dari baginda, kemudian berkata :

“Hajat saya hendak meminang puteri Rasulullah, lalu saya berkata (dalam hati): tetapi saya tidak ada wang di tangan, saya pun teringat akan perhubungan dan pertalian saya dengan Rasulullah lalu saya (memberanikan hati) dan datang meminangnya kepada Rasulullah”.

Rasulullah pun berpaling kepada Saiyidina Ali, lalu bertanya dengan lemah lembut :

“Adakah anakanda mempunyai sesuatu (harta benda)?”

“Tidak ada, ya Rasulullah “, jawab Saiyidina Ali.

Tetapi baginda teringat bahawa Saiyidina Ali pernah mendapat baju rantai dari harta rampasan perang dalam peperangan “Badar” dahulu, baginda pun bertanya kepadanya :

“Di mana baju rantai mu yang aku berikan pada hari anu?”

Dengan berupa terharu kerana layanan baik yang diberikan kepadanya oleh baginda, Saiyidina Ali menjawab :

“Ada saya simpan, Ya Rasulullah.”

Junjungan berkata pula:

“Berikanlah di kepadanya, menjadi mas kahwinmu.”

Kembalilah Saiyidina Ali ke rumahnya, lalu dibawanya baju rantai itu dan diserahkan kepada baginda. Rasulullah pun menyuruhnya menjual baju rantai itu dan menyerahkan wang harganya kepada baginda untuk dibelanjakan bagi keperluan pengantin perempuan (Siti Fatimah)

Saiyidina Uthman telah tampil membeli baju rantai itu dengan harga empat ratus tujuh puluh dirham, lalu Saiyidina Ali membawa wang itu dan menyerahkannya kepada Nabi. Baginda pun mengambil wang itu lalu diberikannya kepada Saiyidina Bilal bin Abi Rabah (tukang yang terkenal) supaya sebahagian daripadanya dibelikan minyak tamar dan bau-bauan, dan lebihnya hendaklah diserahkan kepada

XXXX Salamah untuk membeli pakaian dan kealatan pengantin perempuan.

Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* pun menjemput sahabat-sahabatnya lalu mereka dijadikan saksi bahawa baginda telah mengahwinkan puterinya Fatimah kepada Ali bin Abi Talib, dengan mas kahwinnya empat ratus miskal perak, menurutp peraturan Islam yang sedang berjalan, dan fardhu yang telah diwajibkan. Khutbah nikah itu telah disudahi dengan doa supaya kedua pengantin baharu dari titisan Bani Hasyim itu dilimpahkan oleh Allah Ta'ala dengan berkat dan dikurniakan mereka zuriat (keturunan) yang salih.

Setelah itu baginda pun menjamu sekalian hadirin dengan hidangan buah khurma (tamar).

Dengan upacara yang demikian sederhananya, selisihlah akad nikah Siti Fatimah al-Zahra' binti Rasulullah dengan al-Imam Ali dan tersimpullah tali persemendaan yang sangat-sangat besar ertinya dan kesannya yang pernah diketahui oleh Islam dalam sejarahnya yang penuh dengan peristiwa-peristiwa yang besar dan lanjut itu.

Tidak berapa antaranya, dalam bulan Rejab tahun yang pertama hijriah, hari langsungnya telah diadakan dengan meriahnya dan keduanya telah disatukan dengan selamatnya.

Hari yang berbahagia itu telah disebut dan diraikan dengan sebenar-benarnya oleh orang-orang Islam, terutama kaum Bani Hasyim. Saiyidina Hamzah, bapa saudara Rasulullah dan juga bapa saudara Saiyidina Ali, telah menyembelih dua ekor unta dan dijamunya orang ramai di bandar Madinah yang bersejarah.

Setelah selesai jamuan itu maka sekaliannya pun bersurailah setelah memberi tahniah kepada pengantin baharu. sesudah itu Rasulullah pun menyuruh Siti Umi Salmah

(isteri baginda) membawa pengantin perempuan ke rumah Saiyidina Ali, dan dipesannya supaya kedua pengantin itu menunggu kedatangan baginda.

Bilal pun azan untuk sembahyang Isyak, lalu Rasulullah menjadi imam orang Islam di masjid Madinah, setelah tu baginda pun menuju ke rumah saidina Ali. Sentiasanya di sana baginda meminta satu bekas berisi air lalu dibacakan beberapa ayat Qur'an, kemudian disuruhnya

---

**Bacalah!**

**Florinda Puteri Sepanyol**

**Terjemahan : Abdullah Basmeh**

“Florinda puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah kalam Jurji Zaidan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyhur – Tariq bin Ziyad, mengempur tentera Sepanyol dan menghancurkan leburkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di semanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa di lapankurun.

2 penggal tamat.

Sepenggul \$1.20

(Naskhah Rumi: Sebuah \$3.00)

**Pesanlah kepada penerbitnya:**

**Qalam, Singapura**



Kedua-dua pengantin itu meminumnya, sesudah itu baginda mengambil air sembahyang daripada air yang masih berbaki, dan yang selebihnya (daripada air itu) direnjiskan kepada kepala keduanya (\*)

Setelah itu baginda pun berdoa untuk keduanya ujarnya :

“ *Allahumma bārik fihimā, wa bārik ‘alayhimā, wa bārik Lahumā fī naslihimā*”

Ertinya : Dia Tuhanku limpahkanlah berkatmu pada keduanya, dan limpahkanlah berkatmu atas keduanya, dan limpahkanlah berkatmu bagi keduanya : pada keturunan keduanya!”

Selesai baginda berdoa, baginda pun bangun hendak balik ke rumahnya.

Pada saat itu, Siti Fatimah tidak dapat menahan hati lalu menitis air matanya. Melihatkan anak kesayangannya itu menangis, Rasulullah pun berhenti sebentar lalu memujuk Siti Fatimah dan menyuruhnya bertenang hati dan jangan bimbang, kerana dia telah ditinggalkan oleh baginda menjadi: “amanah kepada seorang lelaki (Saiyidina Ali menantu baginda) yang teguh sekali imannya, yang banyak ilmunya, yang mulia sekali akhlaknya dan tinggi (besar) sekali jiwanya” (\*\*)

Baginda pun kembali ke rumahnya. Manakala Siti Fatimah pada malam yang pertama itu, telah tergambarlah bayang-bayang bondanya (Siti Khadijah) di ruangan matanya, menjadi teman yang melipurkannya. Dari perasaan sedih sayu kerana bercerai dengan ayahandanya yang dikasihi, dan duka nestapa kerana bercerai terus menerus dengan bondanya

---

(\*) Tabaqāt Ibnu Sa’ad 8:15

(\*) Tabaqāt Ibnu Sa’ad 3:16

yang dikasihi dan yang senantiasa hidup dalam kenangan

Doa junjungan kita pada saat yang berbahagia itu, telah dikabulkan oleh Allah ‘azza wa jalla, maka menjadilah perkahwinan puterinya, Siti Fatimah Al-Zahra – *radia Allāh ‘anha*, dengan Saiyidina Ali – *Karrama Allāhu wajjah*, perkahwinan yang sangat-sangat berbahagia lagi berkat, yang telah dikehendaki oleh Allah Ta’ala supaya “zuriat” nabiNya Muhammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* terkembang turun temurun hanya melalui keduanya, Fatimah dan Ali, yang mulia itu.

Kehidupan Siti Fatimah dirumah suaminya bukan pula kehidupan yang mewah dan senang lenang, bahkan boleh disifatkan hidup susah picik. Tentang ini Siti Fatimah berlainan sekali dengan kehidupan yang telah dilalui kekanda-kekandanya yang bertiga, yang telah hidup mewah dan senang-lenang. Kekandanya yang tua : Siti Zainab telah bersuamikan Abu al-‘Āṣ, seorang hartawan Makkah yang terkenal, manakala Rukiah dan Umi Kalthum, pada mulanya mereka berkahwin dengan Utbah dan Atibah (kedua-duanya anak Abu Lahab) yang juga tergolong dari kaum hartawan. Setelah mereka bercerai, lalu mereka berkahwin dengan Saiyidina Uthman (silih berganti), yang juga menjadi seorang hartawan yang terkemuka. Tetapi Saiyidina Ali bukan seorang hartawan. Ia tidak mempunyai harta benda, baik yang di dapati dari jalan perniagaan ataupun yang diwarisi. Kerana ayahandanya, Abu Talib, meskipun mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakatnya, tetapi ia bukan seorang hartawan bahkan banyak pula anak pinaknya, sehingga Nabi sendiri berasa kasihan lalu mendesak bapa saudaranya al-‘Abbas supaya tiap-tiap seorangnya mengambil seorang anak dari anak-anak Abu Talib yang ramai itu dan dengan jalan itu dapat

diringankan tanggungan. Saiyidina Ali pun diambil oleh baginda menjadi anak angkatnya.

Tatkala Rasulullah dipilih oleh Allah *Azza wa Jalla* menjadi Rasul-Nya kepada umat manusia seluruhnya, maka “Ali” lah orangnya yang mula-mula sekali beriman kepadanya dari kalangan kanak-kanak (semasa berumur sepuluh tahun). demikian juga Ali telah mengambil bahagian dalam perjuangan suci menentang kaum Musyrikin sebaik-baik sahaja ia baligh. Kerana berjuang terus menerus, Saidina Ali tidak sempat hendak memasuki dunia perniagaan. pada hal perniagaanlah suatu jalan mencari sara hidup yang utama bagi kaum Quraysh dari segala lapisan, kerana negeri mereka – tanah suci Makkah -sebuah negeri yang kering kontang, tidak sesuai untuk usaha pertanian. Oleh itu, maka tidaklah pelik kalau kita lihat Saiyidina Ali meminang Siti “Fatimah al-Zahra’ ” sedang dia pada ketika itu tidak mempunyai sebarang harta benda selain daripada baju rantai yang didapatinya (diberikan kepadanya oleh nabi) dari pembahagian rampasan perang di medan perang “Badar” yang bersejarah. Di medan Perang Badar inilah Saiyidina Ali yang muda remaja telah berjuang dengan gagahnya menentang kaum musyrikin. Menurut riwayat ini Ishak bahawa musuh-musuh Islam yang telah dibunuh oleh Saiyidina Ali pada hari itu dengan seorang diri -atau bersama-sama dengan rakan-rakannya yang lain – adalah berjumlah dua puluh satu orang (\*)

---

(\*) Tarikh al-Ṭabarī : Kejadian peperangan Badar, dan sirah Ibnu Hisham 2: 372

Tidak terselindung kepada Siti Fatimah akan hal keadaan Saiyidina Ali yang demikian tatkala ayahandanya, Rasulullah, meminta fikirannya tentang peminangan Saiyidina Ali yang hendak menjadikan dia rakan hidupnya. Siti Fatimah memang sedia kenal akan sifat-sifat dan keadaan Saidina Ali - sebagaimana yang telah digambarkan oleh kitab-kitab sejarah Islam- “bahawa Saiyidina Ali seorang fakir, lagi pendek orangnya dan hidungnya penyek serta lengannya kecil.”

Siti Fatimah sedia mengetahui semuanya itu, tetapi ia telah menerima lamaran Saiyidina Ali dengan sukacitanya (melalui ayahandanya) kerana kekurangan Saiyidina Ali tentang rupa dan harta benda-tidak akan dapat menjejaskan taraf Saiyidina Ali “yang beriman, berilmu, berakhlak mulia dan berjiwa besar” sebagaimana yang disifatkan oleh Rasulullah *ṣallā Allahu ‘alayhi wa sallam*. Pandangan Nabi yang demikian terhadap Saiyidina Ali, sudah lebih daripada cukup kepada Siti Fatimah yang bijaksana dan sedang berusia delapan belas tahun.

Siti Fatimah sendiri memang seorang perempuan yang rupawan, dan cukup rasanya kalau dikatakan- sebagaimana yang digambarkan oleh kitab-kitab sejarah Islam -mempunyai rupa salinan tak tumpah seperti rupa Rasulullah *ṣallā Allahu ‘alayhi wa sallam*, yang memang masyhur tentang cantik dan berseri-seri wajahnya.

Bersambung

**(Riwayat hidup Siti “Fatimah al-Zahra’ ”**

**Raḍī Allah ‘anha, yang lengkap, dapat dibaca dalam buku “Puteri-puetri Nabi” penerbitan Qalam yang baharu terbit.)**